

MESYUARAT PEGAWAI INTEGRITI BIL. 2/2024



MPI BIL. 2/2024

28 OKTOBER 2024

Ketua Bahagian Integriti, Tuan Ir. Mohd Nizam bin Din telah mempengerusi Mesyuarat Pegawai Integriti (MPI) Bil. 2/2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Perdana, Menara Kerja Raya pada 28 Oktober 2024.

Mesyuarat ini telah diadakan secara bersemuka dan dihadiri oleh seramai 58 orang Pegawai Integriti dan Penolong Pegawai Integriti dari semua JKR Cawangan dan JKR Negeri.

Antara agenda mesyuarat kali ini adalah:

- Ikrar Integriti;
- Pembentangan Penemuan Audit Sistem Pengurusan Anti Rasuah ISO 37001:2016;
- Pembentangan pencapaian JKR *Star Rating* 2024;
- Pembentangan Pelaporan Bahagian Integriti; dan
- Taklimat Pengurusan Dokumen Terperingkat oleh CGSO.



Mesyuarat kali ini menjurus kepada JKR *Star Rating* 2024. Antara cawangan yang mendapat 5 *Star* pada penggal pertama adalah Cawangan Kerja Keselamatan, Cawangan Kerja Bangunan Am 1, Cawangan Alam Sekitar dan Kecekapan Tenaga, Cawangan Kerja Bangunan Am 2 dan Cawangan Kejuruteraan Cerun.

Wakil daripada Cawangan Kerja Keselamatan telah membuat perkongsian program-program yang telah dilaksanakan oleh cawangannya bagi memenuhi kriteria untuk mendapatkan 5 *Star Rating*.

Pada sesi petang, mesyuarat diteruskan dengan sesi taklimat dan perkongsian yang telah disampaikan oleh Penolong Pegawai Keselamatan Kerajaan, Puan Nurul Dalila binti Mat Ali.

Objektif perkongsian ini bertujuan memberi kesedaran berkenaan prosedur pengurusan dokumen terperingkat agar semua pegawai JKR memahami dan mematuhi tatacara pengurusan dokumen terperingkat.